

# Pertingkat kemampuan R&D — PM

Oleh **MOHAMAD RADZI  
MOHD. ZIN**

SHAH ALAM 28 Julai — Sektor pembuatan di negara ini digesa meningkatkan kemampuan dalam penyelidikan dan pembangunan (R&D) supaya mencapai tahap piawaian tertentu dan mampu bersaing di peringkat antarabangsa.

Sehubungan dengan itu, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata, sektor industri di Malaysia tidak boleh berpuas hati dengan apa yang telah dicapai sekarang.

Katanya, Malaysia bukan sahaja perlu menentukan piawaian tetapi mahu ia ditingkatkan lagi dan ia dapat dicapai melalui penyelidikan.

Dr. Mahathir mahu masyarakat Malaysia belajar memadankan budaya tersebut yang sememangnya bukan budaya asal negara.

Katanya, era teknologi maklumat kini didapati boleh meningkatkan bermacam-macam keupayaan negara.

Apa yang perlu, menurut beliau ialah mempraktikkannya kepada kaedah yang digunakan untuk memperbaiki keadaan.

“Kita sekarang berada dalam zaman yang mencahar sebab melihat banyak perubahan dalam masa yang singkat.

“Hari ini teknologi yang dikeluarkan dalam dua tiga bulan saja dah ada orang yang membaikinya.

“Contohnya kita belanjakan wang yang banyak untuk pasang kabel tembaga tetapi sekarang ada kaedah lain yang menjimatkan seperti penggunaan fiber optik malah yang terbaru ialah komunikasi tanpa wayar,” katanya.

Beliau berkata demikian semasa berucap pada majlis lawatan kerja di Institut Standard dan Penyelidikan Industri Malaysia (SIRIM) Berhad di sini, hari ini.

Turut hadir ialah Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Datuk Law Heng Dieng, Menteri Besar Selangor, Datuk Seri Dr. Khir Toyo dan Pengerusi SIRIM Berhad, Datuk Ir. Dr. Zaidee Laidin.

Dr. Mahathir berkata, sektor industri perlu membaiki keadaan sekeliling kerana apa juga kaedah yang digunakan boleh diperbaiki walaupun telah mencapai tahap yang tidak boleh dibaiki lagi.

“Tetapi percayalah, kalau kita uji dan periksa ki-

ta boleh baiki lagi...jadi sikap dan budaya ini penting.

“Kita kena cari penyelesaian terhadap masalah kita sendiri dan mencipta barangan yang sesuai untuk kegunaan kita,” jelasnya.

Perdana Menteri berkata, rakyat negara ini perlu mencontohi budaya ilmu orang asing terutama Eropah yang mementingkan persamaan dan piawaian dalam barang keluaran mereka.

Katanya, budaya masyarakat Malaysia dahulu ia itu masing-masing membuat piawaian sendiri dan jika memperoleh sesuatu kejayaan tidak akan dikongsi dengan pihak lain, perlu diubah.

Menurutnya, beliau pernah mendengar cerita yang tok guru tidak pernah mencurahkan 100 peratus ilmunya supaya anak murid tidak boleh melebihi ilmu yang dimilikinya.

“Akhirnya, bila tok guru mati ilmu itu pun habis, tiada peningkatan ilmu kerana tiada tiada penyelidikan.

“Dulu, kita tidak ada perancangan jangka panjang kerana budaya kita mengamalkan kais pagi makan pagi, kais petang makan petang dan esok soal lain,” katanya.

Dr. Mahathir berkata, masyarakat Malaysia perlu mencontohi orang Barat yang berfikiran jauh dan mahu pelanggan mereka kekal selama-lamanya menggunakan barangan mereka.

Beliau memberi contoh bagaimana Malaysia berjaya membangunkan industri getah negara melalui Piawaian Getah Malaysia (SMR).

Katanya, walaupun ne-

gara ‘mencuri’ pokok getah dari Brazil tetapi berjaya membangunkan benih getah melalui SMR yang diterima dan diiktiraf di peringkat antarabangsa.

“Penyelidikan juga membolehkan Malaysia menghasilkan klon terbaik getah yang mampu mengeluarkan 10 kali ganda susu getah berbanding pokok getah di negara asalnya.

“Negara lain juga mengeluarkan getah tetapi tidak ada piawaian sebagai-

mana kita sebab itu tidak maju,” tambahnya.

Dr. Mahathir berkata, beliau berpuas hati dengan prestasi SIRIM Berhad yang berjaya meletakkan tahap piawaian yang relevan kepada negara sekali gus meyakinkan sektor industri terhadap organisasi itu.

Bagaimanapun, katanya, usaha berterusan perlu dilakukan kerana mahu mencapai kejayaan yang paling tinggi.

“Matlamat penubuhan SIRIM ialah memastikan kualiti barang mencapai piawaiannya melalui penyelidikan untuk kebaikan demi kebaikan di masa depan,” tambahnya.

Sempena majlis itu, Dr. Mahathir melawat ke Makmal Pengujian Keserasian Elektromagnet (EMC), Loji Pandu Bioteknologi dan Pusat Teknologi Pembuatan Termaju.